

Trend Kadar Pertukaran Asing Ringgit Semenjak 2015

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Ringgit telah melalui episod kejatuhan nilai berbanding dengan beberapa mata wang dunia semenjak dua tahun lalu. Episod ini bermula pada awal bulan Ogos 2015 dikaitkan dengan kejatuhan harga minyak mentah dunia. Kejatuhan harga minyak mentah disebabkan lebih penawaran di dalam pasaran dunia kesan dari tambahan pengeluaran minyak mentah dari telaga-telaga minyak syal Amerika Syarikat (AS). Pengeluar minyak syal AS mempunyai teknologi penggerudian mendatar membolehkan mereka mengeluarkan minyak dari celah-celah batu yang tidak mampu dilombong dengan teknologi konvensional.

Semenjak dari tarikh tersebut, pengeluaran minyak mentah dunia menjadi bahan perang strategi di antara Persatuan Pengeluar Minyak (OPEC) dan AS untuk mengawal bahagian pasaran masing-masing. Harga minyak mentah dunia terus mengalami tekanan menurun sehingga kini.

Harga minyak mentah dan nilai dolar AS (USD) kebiasaannya mempunyai hubungan negatif. Apabila harga minyak menurun, nilai USD akan meningkat. Lantas, semenjak dari kejatuhan harga minyak mentah dunia, nilai USD meningkat berbanding dengan kebanyakan mata wang dunia. Tidak ketinggalan, nilai ringgit turut menurun berbanding dengan USD.

Semasa permulaan episod tersebut pada bulan Ogos 2015, nilai mata wang rakan dagang Malaysia turut menurun berbanding dengan USD. Ini termasuk yen Jepun (JPY), dolar Singapura (SGD), baht Thailand (THB) dan yuan China (CNY). Maka pada masa itu kejatuhan kesemua mata wang tersebut adalah secara relatif kerana kenaikan nilai USD. Namun demikian, di dalam tempoh dua bulan, iaitu sehingga ke penghujung September nilai ringgit telah jatuh dengan mendadak berbanding dengan USD

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

berbanding dengan empat mata wang tersebut di atas yang turut menurun berbanding USD tetapi tidak seteruk ringgit.

Di penghujung bulan September, ringgit telah susut sebanyak 20 peratus berbanding USD. Manakala, empat mata wang tersebut cuma merosot kurang dari 10 peratus berbanding dengan USD. Malah nilai JPY telah kembali ke paras asal berbanding USD pada bulan September 2015. Justeru, bermula dari awal Ogos 2015 arah aliran atau trend nilai ringgit telah menyimpang dari empat mata wang tersebut. Malah, trend nilai ringgit telah menyimpang dengan lain-lain mata wang rakan dagang Malaysia, termasuk pound sterling, euro, rupiah Indonesia dan lain-lain lagi.

Semasa episod persimpangan trend ini, ringgit telah mengalami susut nilai berbanding dengan kesemua mata wang tersebut di atas. Di antara bulan Ogos dan September 2015, ringgit telah menurun 9.0 peratus berbanding dengan JPY, 5.8 peratus berbanding CNY, 4.9 peratus berbanding SGD dan 4.4 peratus berbanding THB. Persoalannya, apakah yang berlaku yang menyebabkan persimpangan trend ringgit berbanding lain-lain mata wang?

Nilai tukaran mata wang bergantung kepada permintaan dan penawaran mata wang tersebut. Permintaan untuk ringgit oleh komuniti antarabangsa kebanyakannya untuk dua tujuan utama. Pertama, untuk mengimport barangan dan perkhidmatan dari Malaysia. Para pengimport memerlukan ringgit untuk membuat bayaran, lantas nilainya akan meningkat berbanding lain-lain mata wang jika permintaan untuk eksport dari Malaysia meningkat. Kedua, untuk pelaburan portfolio di dalam pasaran saham Malaysia. Seperti juga permintaan untuk eksport dari Malaysia, jika para pelabur ingin melabur di dalam pasaran saham Malaysia, permintaan untuk ringgit akan meningkat.

Dari sudut perdagangan antarabangsa, kesemua negara yang berdagang menghadapi situasi yang serupa, di mana perdagangan global menghadapi kelembapan sepanjang 2015-16. Kesemua negara pengeksport utama seperti Malaysia terdedah kepada risiko kejatuhan nilai mata wang. Oleh itu, faktor ini menyebabkan kesemua mata wang bergerak secara selari mengalami kejatuhan.

Pelaburan portfolio dipengaruhi oleh dua faktor, iaitu fundamental dan sentimen. Faktor fundamental dipengaruhi oleh data-data ekonomi, umpamanya kadar pertumbuhan, inflasi dan sebagainya. Manakala, sentimen dipengaruhi sama ada oleh faktor ekonomi atau faktor bukan ekonomi atau kedua-duanya. Faktor ekonomi biasanya lebih jelas dan lebih mudah dijangka. Manakala faktor bukan ekonomi, seperti keadaan politik, mala petaka dan sebagainya adalah lebih sukar dijangka. Malah, sentimen berdasarkan faktor bukan ekonomi ini lebih bergantung kepada persepsi dan ianya tidak semestinya benar.

Jadi, persimpangan trend nilai ringgit berbanding lain-lain mata wang semasa bulan Ogos-September 2015 kemungkinan besar adalah disebabkan faktor sentimen. Dari perspektif ekonomi, secara umumnya data-data variabel ekonomi untuk tempoh tersebut adalah agak baik. Namun demikian, para pelabur portfolio akan melihat sesebuah pasaran secara bandingan dengan lain-lain ekonomi untuk memaksimumkan keuntungan jangka pendek. Antara faktor ekonomi yang memberi persepsi negatif terhadap ekonomi Malaysia adalah kebergantungan kepada buruh asing kurang mahir yang memberi tekanan menurun terhadap produktiviti dan peningkatan teknologi.

Selain dari itu, faktor bukan ekonomi mungkin mempengaruhi sentimen pelabur. Faktor seperti ini lebih subjektif dan sukar dijangka. Sebenarnya, imbalan pelaburan portfolio telah merekodkan defisit empat tahun berturut-turut .semenjak tahun 2013, bermakna para pelabur kurang optimistik terhadap pasaran Malaysia.

Nilai ringgit didapati lebih baik berbanding USD sepanjang 2016, walaupun masih di bawah paras sebelum krisis. Ringgit mencatatkan nilai tertinggi berbanding USD selepas Ogos 2015 pada pertengahan April 2016, walaupun ringgit masih susut sebanyak 10 peratus berbanding USD sebelum krisis.

Walau bagaimanapun, ringgit kembali lemah bermula pada November 2016 sehingga suku pertama 2017, di mana ringgit kembali susut sebanyak kira-kira 20 peratus berbanding USD sebelum krisis. Keadaan ini adalah dipengaruhi oleh keputusan luar jangka kemenangan Presiden Trump di dalam pilihan raya presiden AS. Namun, di suku kedua 2017 sehingga kini ringgit kembali berada di dalam trend peningkatan berbanding USD. Antara lain, ianya disebabkan oleh pertumbuhan perdagangan yang

sihat dan pertumbuhan KDNK yang tinggi di luar jangka untuk suku pertama dan kedua 2017. Namun demikian, nilai ringgit rata-rata masih rendah berbanding lain-lain mata wang dunia. SGD, THB dan CNY kini didapati menghampiri nilai USD sebelum krisis, berada kurang dari lima peratus di bawah paras sebelum krisis. Namun ringgit masih 16-17 peratus di bawah USD sebelum krisis. Maka masih banyak kerja yang perlu dibuat untuk meletak negara di landasan yang betul menuju status negara maju.